



Author: No author available • Section: News • Page: A2 • Printed size: 436.00cm²
 Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 1,625.00
 Item ID: MY0033883127

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Sultan Johor hadiahkan pesawat untuk Program Aeronautik UTHM

SULTAN Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar akan menghadiahkan sebuah pesawat 'Lake Renegade LA-270' kepada Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), tanda sokongan baginda terhadap pembangunan program aeronautik di universiti itu.

Dalam titah mengumumkan perkara itu, Sultan Ibrahim menasihatkan agar pesawat jenis Amphibious buatan Amerika itu dijaga dengan baik.

"Saya juga amat berbangga kerana UTHM menawarkan program aeronautik yang mempunyai keunikannya tersendiri iaitu dengan menggabungkan aspek teknologi kejuruteraan aeronautik dengan pelesenan penerbangan profesional yang diiktiraf dalam pasaran," titah baginda, yang juga



TERTARIK: Sultan Johor Sultan Ibrahim berkenan melihat spesies semut yang diberi nama semut Echninopla Tunkuabduljalilii sambil diberi penerangan oleh Ketua Pusat Penyelidikan dan Penggunaan Mampan Sumber-Sumber Semulajadi Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Prof Datin Dr Maryati Mohamed (kanan) ketika melawat pameran semut selepas berkenan memberititah ucapan sempena Sambutan Ulang Tahun ke-25 UTHM, di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM Batu Pahat, dekat Batu Pahat. Turut kelihatan Wahid (belakang). — Gambar Bernama

Canselor UTHM.
 Baginda bertitah pada Majlis Titah

Tuanku Canselor UTHM bersempena ulang tahun ke-25 universiti itu di

Dewan Sultan Ibrahim,
 UTHM di Parit Raja, dekat Batu Pahat, baru-baru ini.



Sultan Ibrahim juga berkenan dan bersetuju agar landasan kapal terbang lama di Tanjung Labuh, dekat Batu Pahat, supaya dibangunkan semula dan dijadikan sebagai pusat latihan penerbangan untuk pelajar UTHM.

Menurut Sultan Ibrahim, baginda difahamkan Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik adalah yang pertama di Malaysia dan satu-satunya program yang ditawarkan di Asia Tenggara.

Malah di seluruh dunia, hanya terdapat empat sahaja universiti yang memiliki gabungan program tersebut, tambah baginda.

"Oleh itu, saya menyeru kepada kerajaan persekutuan untuk memberi sokongan dan bantuan bagi menjayakan program

ini secepat mungkin.

"Program aeronautik ini bukan sahaja dapat melonjakkan nama UTHM, tetapi juga membuka peluang yang besar dalam pembangunan industri aeronautik di negara ini," titah Sultan Ibrahim.

Sementara itu, Sultan Johor turut menyokong cadangan universiti itu memperkenalkan program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel.

Baginda bertitah ini adalah kerana kereta api telah menjadi sistem pengangkutan awam yang utama di dunia.

"Tambahan pula dengan pelaksanaan beberapa projek rel di negeri Johor seperti Landasan Rel Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru dan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura, ia akan menjadi landasan

baik kepada UTHM untuk menyumbangkan tenaga pakar yang mahir," titah Sultan Ibrahim.

Namun begitu, baginda mahu program dibangunkan secara usaha sama dengan pihak industri untuk menjamin kualiti programnya selari dengan teknologi masa kini dan keperluan industri.

Selain itu, Sultan Ibrahim turut menyeru agar kerajaan persekutuan menyediakan dana peruntukan yang lebih besar untuk pembangunan bidang pendidikan sama ada di peringkat sekolah atau institut pengajian tinggi bagi melahirkan modal insan yang berilmu.

Pada majlis itu, baginda turut melancarkan buku bertajuk 'Dian Desa: Dari Pulau Sialu ke Sungai Layau' terbitan UTHM.

Turut hadir Naib Canselor UTHM Prof Dr Wahid Razzaly. — Bernama



29 Sep 2018

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Page: A2 • Printed size: 436.00cm²

Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 1,625.00

Item ID: MY0033883127

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

SUMMARIES

SULTAN Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar akan menghadiahkan sebuah pesawat 'Lake Renegade LA-270' kepada Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), tanda sokongan baginda terhadap pembangunan program aeronautik di universiti itu. Dalam titah mengumumkan perkara itu, Sultan Ibrahim menasihatkan agar pesawat jenis Amphibious buatan Amerika itu dijaga dengan baik.